

FORUM ARAH TUJU SASTERA SARAWAK 2018

Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

30 Ogos 2018

MENGANGKAT KARYA SASTERA PENULIS PELBAGAI KAUM DI SARAWAK

Oleh;

William Chan Khun Neng

PENGENALAN

Perkataan asal “angkat” membawa dua makna: satu, maksudnya “meninggikan” atau “menaikkan ke atas”; kedua, maksudnya, “yang dijadikan, atau diakui”.

Pada pentakrifan mauduk forum ini, “mengangkat” karya merujuk kepada usaha “menyerlahkan” sesebuah karya untuk diketengahkan kepada khalayak pembaca, tentunya. “Karya” yang kita fokuskan pula ialah hasil ciptaan puisi, cerpen, novel, esei, mahupun kritikan sastera dalam bahasa kebangsaan Malaysia iaitu bahasa Melayu.

Sesuatu hasil karya yang hendak diserlahkan mestilah karya yang sudah disaring, dinilai dan diiktiraf pada peringkat awalnya, disenangi oleh penghasil karya itu sendiri, untuk menentukan adakah karya itu wajar untuk “ditinggikan” atau “dinaikkan ke atas”. Sesudah itu barulah karya sastera itu diangkat untuk tatapan umum agar khalayak dapat menikmati dan berkongsi inti pati karya itu untuk dijadikan rujukan, untuk dijadikan contoh, untuk dinilai, dan seumpamanya. Kemudian karya itu pula perlu diangkat ke peringkat yang lebih lanjut untuk memudahkan penilaian bagi melihat apakah isu yang dibicarakan penting dalam kehidupan kesusasteraan Malaysia. Hal ini penting, kerana karya sastera yang interpretatif dapat memberikan kebahagiaan dan wawasan mengenai kehidupan manusia (Esei Sastera Baharuddin Zainal, 1980, DBP, disusun Hamzah Hamdani). Juga, kalau boleh, untuk mencirikan *magnum opus* sesuatu karya itu.

Di tangan khalayak umumlah nanti, makna kedua perkataan asal “angkat” tadi berkemungkinan terjadi, apabila karya sastera yang sudah melalui proses saringan yang tekun dan penuh ketelitian untuk dijadikan atau diakui sebagai anak angkat (karya angkat?). Ini kerana “nikmat memahami dan menilai dengan penuh teliti adalah menjadi sifat pembaca yang kritis.” - M. K. Danziger dan W. S. Johnson (Pengenalan Kritikan Sastera, 1980, DBP).

PENULIS PELBAGAI KAUM

Statistik mutakhir populasi Sarawak mengikut perangkaan sehingga akhir tahun 2017 menunjukkan bahawa dari kalangan 2.79 juta rakyat di Sarawak pecahan kumpulan etnik adalah seperti berikut:

- Iban 797,700 (28.6%)
- Melayu 639,400 (22.9%)
- Cina 623,800 (22.3%)
- Bidayuh 217,800 (7.8%)
- Orang Ulu 179,000 (6.4%)
- Melanau 142,200 (5.1%)
- Lain-lain 189,500 (6.9%)

Dari kalangan kemajmukan populasi Sarawak, bilangan penulis yang turut menyumbang kepada perkembangan sastera terdiri dari kaum Melayu (yang turut termasuk kaum Kedayan), Melanau, Iban, Bidayuh, Orang Ulu (yang merupakan satu kelompok yang merujuk kepada Kayan, Kenyah, Bisaya, Lun Bawang, Kelabit dan Penan, berserta dengan 23 sub-etnik) dan juga kaum Cina – dalam urutan yang sedemikian, cuma nisbah rasmi peratusannya belum dapat diperolehi. Rata-rata penulis melahirkan puisi, cerpen, novel, skrip drama, dan esei/kritikan.

DBP BERPERANAN SIGNIFIKAN MENGANGKAT KARYA-KARYA PENULIS

Satu daripada empat peranan DBP ditubuhkan di negara ini ialah untuk memajukan bakat kesusasteraan terutama dalam bahasa kebangsaan. Ini terkandung dalam Ordinan DBP 1959. Pada dekad 1960-an DBP menumpukan perhatian kepada kegiatan memartabatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal melalui kempen Bulan Bahasa, dan penerbitan buku-buku teks dalam bahasa Melayu untuk memenuhi keperluan Dasar Pelajaran Kebangsaan. (Hamzah Hamdani dalam kertas kerja beliau “Suku Abad DBP Cawangan Sarawak 1977-2002: Realiti, Cabaran dan Harapan” yang dibentang dalam Perkampungan Penulis Sarawak 2002 di Hotel Mega, Miri pada 5-8 Jun 2002).

Hamzah Hamdani, yang pernah menjawat jawatan Ketua Unit Bahasa dan Sastera DBP Cawangan Sarawak dari 1 Januari 1983 hingga 30 April 1986, dan sebagai Pengarah DBP Cawangan Sarawak dari 16 Januari 2002 hingga bersara pilihan pada 4 Januari 2005, pernah berpesan: “Setiap penulis di Sarawak adalah pejuang bahasa Melayu. Jadikanlah medan yang disediakan oleh DBP Cawangan Sarawak sebagai gelanggang untuk sama-sama membina tamadun bangsa Malaysia.”

Pada 29 November 2017 dalam Majlis Anugerah Tinta Kenyalang DBP Cawangan Sarawak telah mengumumkan beberapa orang penulis dari kalangan pelbagai kaum Sarawak sebagai penerima Hadiah Sastera Penulis Sarawak seperti berikut:

Kategori puisi:

- (1) Zainal Abidin Suhaili, atau nama penanya Abizai Abi
- (2) Haji Jais Sahok
- (3) Zaini Bilong
- (4) Mohamad Faizal Jamil
- (5) Halimatus Sa'adiah Yahya

Kategori cerpen:

- (1) Haji Jais Sahok
- (2) Abang Median Abang Said
- (3) Mohd Ali Salim
- (4) Frankie Latit dan
- (5) Niziah Naziri.

Kategori esei kritikan:

- (1) Haji Jali Kenoi
- (2) Benyamin Matusin
- (3) Mohd Aziz Abidin
- (4) Dilah Tuah, dan
- (5) Mohamad Faizal Jamil.

Di samping itu DBP Cawangan Sarawak juga menggalak pemupukan bakat penulisan melalui Anugerah Citra Buletin Jabatan Negeri Sarawak yang telah berlangsung sejak 2012 lagi. Jabatan-jabatan kerajaan digalakkan menerbitkan bulletin masing-masing dan karya-karya seperti puisi, cerpen, esei, rencana, dan seumpamanya dinilai untuk dihadiahkan dalam kategori Emas, Perak, Gangsa, dan sugu hati.

Anugerah Citra Majalah Sekolah Negeri Sarawak juga disediakan, dan pada majlis baru-baru ini beberapa karya pelajar sekolah masing-masing telah diangkat seperti:

Kategori puisi:

- (1) Randy Gardaffy dari SMK Dato Permaisuri, Miri;
- (2) Isaac Anderson Wat dari SMK Merbau, Miri;
- (3) Fadillah Mohammad Amin dari SMK Agama Igan, Mukah; dan
- (4) Hazasofia Salleh dari SMK Asajaya, Kota Samarahan.

Kategori cerpen:

- (1) Ahmad Shafiee Mohd Apendai dari SMK Tun Abang Haji Openg;
- (2) Nur Annisha Khalida Bujang dari SMK Asajaya, Kota Samarahan;
- (3) Rebecca John Ne'dek dari SMK Petra Jaya, Kuching; dan
- (4) Aiman Basyir Wahid dari SMK Dato Permaisuri, Miri.

Kategori esei:

- (1) Sylviana Fiona Elivis dari SMK Subis, Miri
- (2) Dayang Siti Norhaliza Abang Ahmad dari Kolej Vokasional Matang, Kuching
- (3) Theng Kang Foo dari SMK Asajaya, Kota Samarahan dan
- (4) Mark Sim Boon Hao dari SMK Bintulu.

Dalam catatan laporan mengenai majlis ini yang boleh dibaca atas talian, Siti Suhana Mohd Amir (staf DBP Cawangan Sarawak, Bahagian Penerbitan) menutupkan laporannya dengan saranan: "Pelbagai sayembara dan bengkel penulisan perlu digiatkan untuk membimbing bakat muda dalam membina generasi pelapis kepada karyawan mapan sedia ada yang mewarnai persada penulisan Bumi Kenyalang."

FRANKIE LATIT CERPENIS BAHARU YANG GIGIH

Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) telah menerbitkan Kumpulan Cerpen "Apabila Rama-rama Dijelmakan Kepompong Epilepsi" karya Frankie Latit pada tahun 2017. Sebagai penulis baharu, nama Frankie Latit melonjak hasil usaha pelbagai pihak dalam 'mengangkat' karya beliau melalui publisiti dalam media yang pelbagai – konvensional dan siber.

Kata Pengantar buku tersebut ditulis oleh Roslan Jemel, seorang lagi penulis baharu yang cukup bertenaga dalam menghasilkan karya, dan mengketengahkan ulasan yang cukup bernas: "Frankie Latit tidak menulis seratus peratus tentang penyakit dengan gaya pengamal perubatan tipikal dalam himpunan 12 buah cerpen ini. Beliau mencelup dakwatnya dengan jarum imaginasi."

Frankie Latit berasal dari Sri Aman pada 4 Mei 1984, berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Perubatan di Miri. Beliau banyak menulis puisi dan cerpen dan karya-karyanyanya tersiar dalam

Jendela Sarawak, Dewan Sastera, Tunas Cipta, Dewan Kosmik, Majalah Pendidik, Utusan Borneo, Berita Minggu dan Mingguan Malaysia. Baru-baru ini beliau menyertai Program Bengkel Cerpen Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) di Depok, Indonesia.

WADAH BAHASA & SASTERA (WBS) DAN YANG INDAH ITU BAHASA (YIIB)

DBP Cawangan Sarawak juga memanfaatkan ruang surat khabar tempatan, Utusan Sarawak dan Utusan Borneo, untuk dijadikan wadah bagi mengangkat karya-karya penulis tempatan. WBS yang disiarkan Utusan Sarawak pada setiap Rabu, menyediakan ruang untuk penulis baharu menghasilkan puisi dan cerpen yang tidak disunting untuk pada minggu kemudiannya diulas oleh penulis-penulis mapan seperti Haji Jais Sahok, Jaafar Hamdan, Radzemah Bolhassan, Rosani Hiplee, Abizai Abi dan beberapa nama lagi.

YIIB pula menyediakan ruang untuk kedua-dua kumpulan penulis yakni penulis mapan, dan penulis yang menunjukkan potensi untuk meningkat terus, menghasilkan esei, kritikan, cerpen dan puisi. Ini diterbitkan pada setiap Isnin oleh Utusan Borneo. Kesemua bahan dalam WBS dan YIIB disediakan oleh pihak DBP Cawangan Sarawak, termasuk honorariumnya. Utusan Sarawak dan Utusan Borneo sekadar menyediakan ruang penampungan.

Melalui ruangan masing-masing muncullah beberapa lagi barisan penulis baharu seperti Nur Azshieldha bte Sahran, Siti Nur Hidayah Abdullah @ Jelinie ak Pira, Joanna Maju ak Stephen, Maliah bte Adenan, Hilster Ramba, Tiara Amira, Johnical ak Jawi, dan ramai lagi.

DEKAD 60-AN & 70-AN BLB BERPERANAN MENGANGKAT KARYA-KARYA PENULIS SARAWAK

Biro Kesusasteraan Borneo, yang akrab disebut sebagai Borneo Literature Bureau (BLB) diwujudkan pada tahun 15 September 1959. Menurut Hamzah Hamdani, BLB pernah menerbitkan 65 buah buku yang mengandungi cerita rakyat dalam bahasa Melayu, Iban, Inggeris, Kayan, Kadazan, Melanau dan Cina. Perkara ini beliau ketengahkan dalam kertas kerja beliau berjudul "Perkembangan Persuratan Melayu di Sarawak Pada Abad 20" pada Seminar 100 Tahun Persuratan Melayu Borneo di Hotel Promenade, Kota Kinabalu pada 28-29 Jun 2002 dan juga dalam kertas kerja "Memugar dan Membina Tradisi Sastera di Sarawak" yang dibentangkan pada Pertemuan Budayawan BIMP-EAGA II di Hotel Merdeka Palace, Kuching pada 8-10 Oktober 2003.

Kebanyakan karya yang dihasilkan pada zaman BLB merupakan cerita jenaka seperti Apai Saloi (Iban), Mang Aloï (Bidayuh), Budu (Melanau) dan Palog Raya (Kelabit), Kambing Bunting (Melayu). Antara nama-nama penulis awal dari Sarawak yang telah diangkat oleh BLB dari tahun 1962 sehingga 1976 termasuklah Madzhi Johari (yang menghasilkan cerita kanak-kanak "Lima

Sateria di Hutan Belantara” dan “Candong Ajaib” pada tahun 1966 dan kumpulan puisi “Yang Terpulas dan Terkandas” pada tahun 1970), Salbiah Painah (dengan novelette

“Menunggu Esok” 1970), Latifah Shebli dan Maliah Shebli (dengan kumpulan puisi “Kembang Setangkai Layu di Tugu” 1974), Ahmad Sabu (dengan puisi “Penyesalan” 1975), Erham Sahari (dengan puisi “Malam Tiada Bintang” 1976). Nama-nama lain termasuklah Dunstan Entinggi, James Ngau Wan, dan Munot ak Satep, Kaderi Wai, – sekadar menyebut beberapa nama – yang menulis atau menyelenggarakan cerita rakyat, legenda dan mitos berdasarkan tradisi lisan.

Karya-karya mereka diterbitkan dalam majalah Dolphin (dalam bahasa Inggeris), Pelita Pelajar (bahasa Melayu), Nendak (bahasa Iban) dan Perintis (bahasa Melayu). Dari nama-nama yang dipetik ternyata penulis Sarawak dari kalangan kaum Melayu, Iban, Melanau, Cina dan Orang Ulu telah diangkat. Untuk maklumat, Erham Sahari berketurunan Jati Meirek. Peranan BLB kemudiannya diambil alih oleh DBP melalui pejabat cawangannya di Kuching pada tahun 1977.

PENUTUP

Peranan mengangkat karya sastera penulis pelbagai kaum di Sarawak diusahakan oleh pelbagai pihak. Penulis itu sendiri harus berusaha untuk mengisi ruang yang disediakan oleh pihak-pihak yang berwajib sedemikian agar karya mereka nanti dapat dinikmati oleh konsumen sastera demi menyebarkan daya pemikiran masyarakat dalam zaman masing-masing.

Usaha kita bersama harus terus gigih, semangat juang kita harus kekal kental, dan sama-sama membina, membangunkan dan menyemarakkan sastera demi ketamadunan negara bangsa.

Sekian, terima kasih.

RUJUKAN:

Esei Sastera Baharuddin Zainal, DBP, 1980, disusun oleh Hamzah Hamdani.

Pengenalan Kritikan Sastera, DBP, 1983, M.K. Danziger dan W.S. Johnson.

Wajah Kita, 2002, DBP.

Pertumbuhan dan Perkembangan Sastera Melayu di Sarawak, 2004, DBP, Hamzah Hamdani.

Sastera Wadah Integrasi Budaya, DBP, 2006, Hamzah Hamdani/Abang Haliman Abang Julai.

Wadah Bahasa dan Sastera, Utusan Sarawak.

Yang Indah Itu Bahasa, Utusan Borneo.